

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]
TARIKH : 19.6.2014
SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah sekolah-sekolah seluruh negara akan digred semula memandangkan penggredan semula sekolah-sekolah sudah lama belum dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang menjalankan kajian bagi menyemak semula kaedah penggredan sekolah dan menyediakan cadangan baharu model sekolah. Perkara ini perlu diteliti dengan mengambil kira implikasi kewangan dan kaedah pelaksanaan bukan sahaja yang melibatkan sekolah yang perlu dinaikkan gred tetapi bagi sekolah yang perlu diturunkan gred juga.